

16/08/1997

Hamid perjelas kenyataan PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini menjelaskan, teguran pucuk pimpinan terhadap tindakan pihak berkuasa agama menangkap tiga gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor, dianggap tidak menjejaskan akidah.

Beliau menegaskan, pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno memang jelas iaitu orang Islam yang menyertai ratu cantik adalah haram.

"Pendirian mereka bukan menolak hukum dan fatwa mufti tetapi yang dibincangkan ialah bagaimana pelaksanaannya (pentadbiran) di negara ini.

"Tidak ada siapa mempertikaikan hukum Islam dan mufti yang membuat keputusan bahawa perkara itu adalah haram. Yang menjadi persoalan ialah cara menjalankan hukum itu.

"Itu tidak sekali-kali menyebabkan murtad atau tergelincir daripada akidah," katanya menjelaskan kekeliruan berikutan kenyataan Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom bahawa ramai pemimpin kerajaan tidak berfikir dahulu sebelum membuat kenyataan yang boleh menyebabkan syahadah mereka tergelincir.

Ishak sebelum ini dilaporkan berkata, sesiapa yang mempertikaikan syariat Islam, misalnya hukum hudud seperti yang hendak dilaksanakan oleh sebuah negeri, adalah murtad.

Semalam Perdana Menteri, yang menyifatkan kenyataan seumpama itu keterlaluan, berkata beliau tersinggung kerana beliau tidak menyatakan pertandingan ratu cantik dihalalkan Islam, sebaliknya tindakan terhadap tiga gadis itu perlu mencerminkan konsep keadilan dalam Islam.

Dr Abdul Hamid memberitahu pemberita di pejabatnya petang ini, kenyataan (mufti) itu mengelirukan fahaman orang ramai kerana ayatnya menjurus ke arah membuat tuduhan tertentu dan menyebabkan Dr Mahathir tersinggung.

"Kenyataan mufti ialah mengenai orang yang mengingkari hukum dan yang kita bincang ialah pentadbiran hukum. Sebenarnya dalam Islam, tergelincir akidah ialah orang yang menafikan hukum itu.

"Adapun orang yang percaya kepada hukum tetapi mencari jalan hendak melaksanakan atau melaksanakannya dengan mengambil kira keadaan semasa tidak sekali-kali menjejaskan akidah.

Misalnya, siapa yang menolak hukum hudud adalah tergelincir akidah tetapi kalau kita bincang bagaimana hendak melaksanakannya sesuai dengan negara ini, tidak tergelincir akidahnya.

"Begitu juga apa yang dibincang akhir-akhir ini apakah hukum menyertai ratu cantik. Tidak ada siapa mempertikaikan hukum Islam dan mufti membuat keputusan itu adalah haram," katanya.

(END)